

15 SEP 2003

Mahathir-Awam

DR MAHATHIR SANJUNGI SUMBANGAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM

KOTA BAHARU, 15 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memuji dan menghargai sikap profesional anggota perkhidmatan awam negara ini yang telah banyak menjayakan dasar dan rancangan kerajaan pusat hingga membantu memajukan Malaysia.

Perdana Menteri berkata anggota perkhidmatan awam amat komited dengan tugas yang diamanahkan kepada mereka tanpa mengambil kira sama ada mereka bersetuju atau tidak bersetuju dengan sesuatu dasar atau rancangan yang disusun kerajaan.

"Saya bersyukur kerana ini semua memudahkan tugas saya sepanjang saya menjadi Perdana Menteri," katanya ketika menghadiri majlis Pemimpin Bersama Rakyat serta jamuan makan malam bersama kira-kira 15,000 anggota perkhidmatan awam persekutuan dan kerajaan Kelantan di sini, malam ini.

Dr Mahathir juga berharap kerjasama yang diberikan oleh anggota perkhidmatan awam kepadanya dapat diteruskan apabila Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih teraju kepimpinan selepas beliau bersara daripada kesemua jawatan kerajaan selepas ini.

Menurutnya, dengan sokongan berterusan terhadap kepimpinan akan datang, pembangunan negara akan dapat dilaksanakan secara berterusan demi kepentingan rakyat.

Dr Mahathir juga berkata semua pihak di negara ini perlu berbangga apabila pelawat asing dan tetamu yang datang ke negara ini turut menyatakan kekaguman dengan kepesatan pembangunan negara.

"Mereka selalu bertanya bagaimana kita dapat membangunkan Malaysia sedangkan kita ada banyak masalah seperti mempunyai penduduk berbilang kaum, berbilang agama, budaya dan bahasa.

"Tetapi dalam keadaan begitu kita masih juga dapat menentukan bahawa negara kita aman, tenteram dan stabil," katanya.

Perdana Menteri juga memuji komitmen yang ditunjukkan oleh anggota keselamatan negara yang bertugas memastikan negara aman dan tidak menghadapi sebarang ancaman.

"Mereka ini bertugas dengan penuh tertib dan teratur bagi memastikan negara kita aman, sedangkan pada masa yang sama ada pihak keselamatan di negara lain yang tidak bersetuju dengan kerajaan mereka lalu berusaha untuk menggulingkan kerajaan mereka sendiri," katanya.

Perdana Menteri berkata terdapat juga pemimpin asing yang melawat negara ini tersalah tafsir bahawa Malaysia adalah negara maju dan bukannya sebuah negara membangun.

"Semua tanggapan itu berlaku semasa Ketua-ketua Mesyuarat Komanwel (CHOGM) berada di negara ini pada 1989. Kalau hari ini mereka datang lagi ke negara ini pasti mereka akan lebih kagum," katanya.

Perdana Menteri berada di sini bagi lawatan rasmi sehari ke Kelantan.

Di akhir majlis itu, semasa Dr Mahathir melangkah keluar daripada Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Putera Kota Baharu, para hadirin termasuk kanak-kanak sekolah yang telah lama berkumpul sejak petang tadi berebut-rebut bersalaman dengan pemimpin unggul itu serta isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Keadaan sayu seketika apabila lagu nolstagia Tan Sri P. Ramlee "Di Mana Kan Ku Cari Ganti" dinyanyikan secara beramai-ramai bagi mengiringi kepulangan Dr Mahathir ke ibu kota. Lawatan kali ini ke Kelantan adalah yang terakhir bagi Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri sebelum beliau melepaskan jawatan itu pada bulan depan.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara Datuk Mustapa Mohamed, Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad Datuk Awang Adek Hussin serta pengarah-pengarah Jabatan Persekutuan dan Negeri Kelantan.

-- BERNAMA

RAR PR